

Anugerah iktiraf bakti Shakir sebar silat tanpa batasan

► HARYANI ISMAIL
haryani@sph.com.sg

SILAT memperkasa diri bahkan membuka ruang bagi kapten pasukan silat nasional, Muhammad Shakir Juanda, menyumbang kepada masyarakat.

Jika sebelum ini beliau merupakan remaja pemalu, kurang keyakinan diri bahkan pernah dibuli di sekolah kerana berat badannya, kini beliau kerap tampil sebagai penghias poster motivasi sukan dan teladan buat belia.

Di atas komitmen dan bakti setianya melatih dan menggarap kemahiran bersilat dalam kalangan kanak-kanak dan belia kurang berkemampuan, kurang cerdas mahupun istimewa, Muhammad Shakir, 27 tahun, disampaikan Anugerah Belia Singapura, semalam.

Beliau menerima pengiktirafan tertinggi bagi pencapaian belia itu daripada Timbalan Perdana Menteri, Encik Teo Chee Hean di Dewan Konsert Victoria.

Anugerah pemberian Majlis Belia Kebangsaan (NYC) itu juga disampaikan kepada peguam Encik Josephus Tan; karyawan filem dan seniman berbilang media, Encik Brian Gothong Tan; pemuzik Encik Yang Ji Wei dan jurutera kimia serta aktivis kemasyarakatan, Dr Chew Jia Wei.

Gerakan mesra alam Mahasiswa Universiti Nasional Singapura Menentang Pencemaran Bumi (NUS Save) turut menerima anugerah yang serupa dalam kategori berkumpulan.

Berkongsi kejayaannya bersama *Berita Harian*, Muhammad Shakir yang pernah dinobatkan sebagai juara dunia dalam Kejuaraan Pencak Silat Sedunia 2012 di Chiang Rai, Thailand berkata:

"Memenangi Anugerah Belia Singapura amat berharga buat saya kerana ia me-

ngenangkan saya tentang perjalanan yang saya dalam sukan yang sebelum tidak diminati.

"Bayangkan bagaimana ia merkeperibadian saya agar menjadi yakin dan berdisiplin. Saya dahulu pegan dan payah ketengahkan diri di yak ramai.

"Nak berbual pun gementar saya kini bukan sahaja mewakili r ke acara sukan serantau dan sedunia

pi berpeluang i perkasa remaja i wa dengan kema bersilat.

"Dengan Bia Kecemerlangan S (Spex) yang saya p hi, saya juga dapat pada kerjaya silat s sepenuh masa dan angkan masa me motivasi kepada p di sekolah-sekolah maha perlu dido agar mengejar ir mereka walau se mana pun."

Muhammad S yang memimpin kan silat nasional 2009 aktif se sukarelawan Perse an Silat Singapura sisi) dan Persatuan sio yang me

anak-anak kurang bernasib baik da timewa.

Ditanya mengenai sambutan Lel yang bakal menjelang, beliau yang terikan Cik Nur Shafiqah Ghazal tahun, lewat tahun lalu, berkata:

"Inilah tahun pertama saya mer Hari Raya bersama isteri. Tentunya teruja dan berbeza sebab lebih banya mah sanak saudara yang akan dikunji

"Tambahan pula, saya bakal mer amanah baru sebagai bapa sebab saya kini hamil lima bulan. Mudah-m an, anak lelaki kami mampu diasuh m di pesilat berjaja masyarakat suatu nanti."

Laporan lain Muka 16



SHAKIR: Dengan Biasiswa Spex Shakir dapat fokus pada kerjaya silat secara sepenuh masa dan meluangkan masa memberi motivasi kepada pelajar.